

PU SUBANG MENYERTAI PERTANDINGAN RKAT TUDM 2018



airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/3992-pu-subang-menyertai-pertandingan-rkat-tudm-2018

SUBANG, 9 Okt 18 – Tim Penilai bagi Pertandingan RKAT peringkat TUDM 2018 telah melaksanakan penilaian Blok F5, RKAT TUDM, Pangkalan Udara Subang berdasarkan kriteria-kriteria yang ditetapkan.

Tim penilai yang dianggotai oleh AKS A1 MPOU, Lt Kol Junaidi bin Abdul Aziz TUDM (Ketua Penilai), PS 1 Perkhidmatan MTU, Lt Kol Rozze bin Ali Rahim TUDM, AKS A1 MAWILUD 1, Lt Kol Parvez bin Mohamed Yusof TUDM, PS 2 INFRA B, Mej Wan Mohd Rashidi bin Wan Ibrahim TUDM dan PS 3 A1 MPOU, Kapt Muhammad Haekal bin Azman TUDM bertujuan untuk memastikan prestasi dan pencapaian RKAT LLP ke arah mewujudkan persekitaran sentiasa berada dalam keadaan baik, selamat dan selesa.

Blok F5, RKAT TUDM telah mempersembahkan persekitaran yang amat cantik dan menarik perhatian termasuk projek tanaman bumi hijau, dan juga projek rekacipta hasil idea dan kerjasama penghuni blok terbabit.

Turut mengiringi Tim Penilaian adalah Komander Pangkalan, Brig Jen Dato' Hj Muhammad Mudzamir Ong bin Abdullah TUDM, Pegawai Laksana Pangkalan, Kol Mohd Azwan bin Mohd Pohari TUDM dan beberapa pegawai kanan dari PU Subang.





